

Utusan Borneo : 12 September 2026

Lelaki berjudi dalam talian di tempat awam didenda

MIRI: Padah bermain judi dalam talian di tempat awam, seoranglelakididendaRM2,500 atau dua bulan penjara.

Tertuduh, Muhd Khairul Zaman Abdullah, 35, dari Taman Gilbert disini, didakwa mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes,

sekitar jam 7 malam, 9 September lalu, sepasukan telah membuat pemeriksaan di hadapan sebuah kedai serbaneka di Pusat Komersial Airport di sini.

Dalam pemeriksaan itu, polis telah menahan seorang lelaki yang berada di luar premis untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat aktiviti perjudian jenis judi dalam talian.

Hasil pemeriksaan lanjut yang dilakukan mendapati

terdapat paparan aplikasi judi jenis judi dalam talian dalam telefon bimbitnya.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas untuk dijadikan barang kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh diwakili peguam bela Nurajemah Umar dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).